



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 694**

**AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA 2009**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	6 Januari 2009
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	8 Januari 2009

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 694

### AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Matlamat utama Akta
3. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

##### SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

4. Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
5. Ketua Pesuruhjaya
6. Pelantikan pegawai lain Suruhanjaya
7. Fungsi pegawai Suruhanjaya
8. Pengemukaan kad kuasa
9. Pegawai disifatkan sentiasa bertugas
10. Kuasa pegawai Suruhanjaya
11. Kewajipan pegawai Suruhanjaya
12. Perintah tetap

#### BAHAGIAN III

##### PERUNTUKAN TENTANG LEMBAGA PENASIHAT, JAWATANKUASA KHAS DAN JAWATANKUASA ADUAN

13. Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah
14. Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah
15. Jawatankuasa Aduan

## BAHAGIAN IV

## KESALAHAN DAN PENALTI

## Seksyen

16. Kesalahan menerima suapan
17. Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen
18. Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen
19. Penerima atau pemberi suapan melakukan suatu kesalahan tanpa mengambil kira maksud tidak dilaksanakan atau perkara tidak berkaitan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipal
20. Secara rasuah mendapatkan penarikan balik tender
21. Penyogokan pegawai badan awam
22. Penyogokan pegawai awam asing
23. Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan
24. Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23
25. Kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan
26. Berurusan tentang, menggunakan, memegang, menerima atau menyembunyikan suapan atau faedah berhubungan dengan apa-apa kesalahan
27. Pembuatan pernyataan yang palsu atau dimaksudkan untuk mengelirukan, dsb., kepada pegawai Suruhanjaya atau Pendakwa Raya
28. Percubaan, persediaan, persubahatan dan komplot jenayah boleh dihukum sebagaimana kesalahan

## BAHAGIAN V

## PENYIASATAN, PEMERIKSAAN DAN PENGGELEDAHAN, PENYITAAN DAN PENANGKAPAN

29. Kuasa untuk menyiasat aduan dan maklumat
30. Kuasa untuk memeriksa orang
31. Kuasa untuk memeriksa dan menggeledah dan menyita
32. Terjemahan
33. Penyitaan harta alih
34. Peruntukan lanjut berhubungan dengan penyitaan harta alih
35. Penyiasatan akaun syer, pembelian, dsb.
36. Kuasa untuk memperoleh maklumat

Seksyen

37. Arahan untuk tidak melepaskan, berurusan tentang, harta alih di bank, dsb.
38. Penyitaan harta tak alih
39. Larangan urusan tentang harta di luar Malaysia
40. Pelucuthakan harta apabila pendakwaan dibuat bagi sesuatu kesalahan
41. Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan
42. Membuat urusan tentang harta selepas penyitaan adalah tidak sah
43. Kuasa untuk memintas perhubungan
44. Penyerahan dokumen perjalanan
45. Kuasa untuk meminda atau membatalkan apa-apa perintah atau notis di bawah Akta ini
46. Peguam bela dan peguam cara boleh dikehendaki mendedahkan maklumat
47. Obligasi di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat
48. Menghalang penyiasatan dan pengeledahan
49. Kesalahan di bawah Akta menjadi kesalahan boleh tangkap dan kuasa pegawai Suruhanjaya berhubungan dengan penyiasatan

BAHAGIAN VI

KETERANGAN

50. Anggapan dalam kesalahan tertentu
51. Keterangan sokongan
52. Keterangan rakan sejenayah dan ejen provokasi
53. Kebolehterimaan pernyataan orang tertuduh
54. Kebolehterimaan pernyataan dan dokumen orang yang sudah mati atau tidak dapat dikesan, dsb.
55. Perakuan tentang kedudukan atau jawatan yang dipegang
56. Kebolehterimaan terjemahan dokumen
57. Keterangan tentang kelaziman tidak boleh diterima

BAHAGIAN VII

PENDAKWAAN DAN PERBICARAAN KESALAHAN

58. Pendakwaan kesalahan
59. Bidang kuasa Mahkamah Sesyen

Seksyen

60. Perbicaraan oleh Mahkamah Tinggi dengan perakuan Pendakwa Raya
61. Percantuman kesalahan
62. Pernyataan pembelaan
63. Pemeriksaan pesalah

#### BAHAGIAN VIII

##### AM

64. Anggota Jawatankuasa Khas tidak boleh menjadi anggota Lembaga Penasihat, dll.
65. Perlindungan pemberi maklumat dan maklumat
66. Tanggungan bagi kesalahan di luar Malaysia
67. Pemakaian peruntukan Akta ini bagi kesalahan ditetapkan
68. Kesalahan am
69. Penalti am
70. Kuasa pegawai polis di bawah Akta ini
71. Kuasa Menteri untuk membuat perintah, peraturan dan kaedah dan meminda Jadual
72. Kekebalan

#### BAHAGIAN IX

##### PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

73. Pemansuhan
74. Kecualian

JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 694

## AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

Suatu Akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, untuk membuat peruntukan yang selanjutnya dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara-perkara yang perlu tentangnya dan yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

#### **Matlamat utama Akta**

2. Matlamat utama Akta ini adalah untuk—
  - (a) menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta dengan menubuhkan suatu badan pencegahan rasuah yang bebas dan bertanggungjawab; dan
  - (b) mendidik pihak berkuasa awam, pegawai awam dan orang awam tentang rasuah dan kesan buruknya terhadap pentadbiran sektor awam dan swasta dan komuniti.

**Tafsiran**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri” termasuklah seseorang pegawai badan awam yang menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri oleh sebab jawatannya;

“anggota pentadbiran” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;

“badan awam” termasuklah—

- (a) Kerajaan Malaysia;
- (b) Kerajaan sesuatu Negeri;
- (c) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
- (d) mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;
- (e) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];
- (f) mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966;
- (g) mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*];
- (h) mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];
- (i) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 [*Akta 262*];
- (j) mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [*Akta 668*];
- (k) mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) atau (j) mempunyai kawalan atau kepentingan; atau



- (1) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“bank” ertinya bank, syarikat kewangan, bank saudagar, atau syarikat diskaun, yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*], atau mana-mana institusi kewangan lain yang ditubuhkan atau dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana koperasi yang didaftarkan atau disifatkan telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993;

“buku jurubank” termasuklah lejar, buku harian, buku tunai, buku akaun dan segala buku dan dokumen lain yang digunakan dalam perjalanan biasa urusan sesuatu bank;

“ejen” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bertindak bagi seorang lain, dan termasuklah pegawai badan awam atau yang berkhidmat dalam atau di bawah mana-mana badan awam, pemegang amanah, pentadbir atau wasi pusaka seseorang yang sudah mati, subkontraktor, dan mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir atau wasi, atau subkontraktor itu;

“harta” ertinya apa-apa jenis harta tanah atau harta alih, termasuk wang, sama ada terletak di Malaysia atau di tempat lain, sama ada ketara atau tidak ketara, dan termasuklah sesuatu kepentingan dalam mana-mana harta tanah atau harta alih itu;

“institusi kewangan” ertinya mana-mana orang yang pada hakikatnya, dengan cara yang sah atau tidak sah, menjalankan apa-apa perniagaan bank atau perniagaan syarikat kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

“instrumen wang” ertinya syiling atau mata wang Malaysia atau mana-mana negara lain, cek kembara, cek peribadi, cek bank, kiriman wang, cagaran pelaburan atau instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa atau selainnya dalam sedemikian bentuk sehingga hakmilik baginya berpindah apabila diserahkan atau apabila diserahkan dan diendorskan;

“kesalahan di bawah Akta ini” termasuklah sesuatu kesalahan ditetapkan;

“kesalahan ditetapkan” ertinya—

- (a) mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 137 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];
- (c) kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*];
- (d) sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- (e) sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah itu ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya;

“Ketua Pesuruhjaya” ertinya Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang dilantik di bawah seksyen 5;

“mahkamah” ertinya—

- (a) Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Tinggi; atau
- (b) Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret,

mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

“pegawai” atau “pegawai rendah” ertinya mana-mana pegawai atau pegawai rendah yang dilantik di bawah subseksyen 6(1) atau (2);

“pegawai awam asing” termasuklah—

- (a) mana-mana orang yang memegang jawatan perundangan, eksekutif, pentadbiran atau kehakiman sesuatu negara asing, sama ada dilantik atau dipilih;
- (b) mana-mana orang yang menjalankan fungsi awam bagi sesuatu negara asing, termasuk seseorang yang diambil kerja oleh sesuatu lembaga, suruhanjaya, perbadanan, atau badan atau pihak berkuasa lain yang ditubuhkan untuk melaksanakan tugas atau fungsi bagi pihak negara asing itu; dan

- (c) mana-mana orang yang diberi kuasa oleh organisasi antarabangsa awam untuk bertindak bagi pihak organisasi itu;

“pegawai badan awam” ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu;

“pegawai kanan Suruhanjaya” ertinya Ketua Pesuruhjaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Penguasa Kanan, dan Penguasa;

“pegawai Suruhanjaya” ertinya Ketua Pesuruhjaya dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 6(1);

“pembeli dengan suci hati dengan balasan berharga” ertinya mana-mana penerima pindahan, penerima serah hak, pemegang gadaian, pemegang gadai janji, pemegang sandaran, pemegang lien, atau penerima pajak, mana-mana harta jika pemindahan, penyerahhakan, gadaian, gadai janji, sandaran, lien atau pajakan itu telah diperolehnya dengan membayar balasan yang memadai dalam bentuk wang atau nilai wang, tanpa notis bahawa harta itu telah diperoleh berbangkit daripada pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;

“perniagaan” ertinya apa-apa kegiatan yang dijalankan bagi maksud mendapat laba atau untung dan termasuklah segala harta yang didapati daripada, atau yang digunakan dalam atau bagi maksud penjalanan kegiatan itu, dan segala hak dan liabiliti yang berbangkit daripada kegiatan itu;

“pihak berkuasa berkanun” ertinya sesuatu pihak berkuasa, sama ada terdiri daripada orang seorang atau kumpulan orang, yang ditubuhkan melalui undang-undang Persekutuan atau Negeri dan menjalankan kuasa, menunaikan kewajipan atau melaksanakan fungsi yang diberikan kepada pihak berkuasa itu oleh mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri;

“pihak berkuasa tempatan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“prinsipal” termasuklah mana-mana majikan, mana-mana benefisiari di bawah sesuatu amanah, mana-mana estet amanah, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam pusaka seseorang yang sudah mati, pusaka seseorang yang sudah mati, dan, dalam hal mana-mana orang yang berkhidmat dalam atau di bawah sesuatu badan awam, badan awam itu;

“saudara”, berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- (h) menantu orang itu;

“sekutu”, berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- (c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan

mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau

- (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika—
  - (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
  - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu;

“suapan” ertinya—

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f);

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa;

“urus niaga” termasuklah—

- (a) apa-apa belian, jualan, pinjaman, gadaian, gadai janji, lien, sandaran, kaveat, pindah hakmilik, serahan, serah hak, subrogasi, pindahan, alang, derma, amanah, peruntukan, deposit, pengambilan keluar, pemindahan antara akaun, atau pelanjutan kredit;
- (b) apa-apa perwakilan atau pemberian surat kuasa wakil; dan
- (c) apa-apa perbuatan yang menghasilkan apa-apa hak, kepentingan, hakmilik atau keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau akan datang atau sama ada terletak hak atau kontingen, dalam semua atau sebahagian daripada mana-mana harta yang diberikan kepada mana-mana orang.

## BAHAGIAN II

### SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

#### **Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

**4.** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ditubuhkan.

#### **Ketua Pesuruhjaya**

**5.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang Ketua Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, untuk selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(2) Jika Ketua Pesuruhjaya dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam, tempoh pelantikan Ketua Pesuruhjaya tidak boleh melewati tarikh persaraan wajibnya daripada perkhidmatan

awam, tetapi jika dia mencapai umur persaraan wajib itu dia boleh dilantik semula sebagai Ketua Pesuruhjaya oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri, secara kontrak selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(3) Ketua Pesuruhjaya hendaklah, dalam tempoh pelantikannya sebagaimana yang dinyatakan dalam suratcara pelantikannya, memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, tertakluk kepada nasihat Perdana Menteri.

(4) Ketua Pesuruhjaya hendaklah, selama tempoh jawatannya sebagai Ketua Pesuruhjaya, disifatkan sebagai anggota perkhidmatan awam am Persekutuan bagi maksud-maksud tatatertib.

(5) Ketua Pesuruhjaya hendaklah bertanggungjawab bagi arahan, kawalan dan pengawasan segala perkara yang berhubungan dengan Suruhanjaya.

(6) Ketua Pesuruhjaya hendaklah mempunyai segala kuasa pegawai Suruhanjaya dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa Timbalan Pendakwa Raya sebagaimana yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya bagi maksud Akta ini.

(7) Ketua Pesuruhjaya hendaklah, sebelum mula menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatannya, membuat di hadapan Yang di-Pertuan Agong, dengan cara yang diakuinya sebagai yang paling mengikat perasaan hati nuraninya, suatu akuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 71.

(8) Maka hendaklah dikeluarkan kepada Ketua Pesuruhjaya suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa sebagai keterangan tentang pelantikannya.

(9) Orang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta Pencegahan Rasuah 1997 [*Akta 575*] hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan telah dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya di bawah subseksyen (1) untuk selama baki tempoh pelantikannya di bawah Akta 1997 itu, dan kehendak subseksyen (7) hendaklah disifatkan telah dipenuhi.

### **Pelantikan pegawai lain Suruhanjaya**

6. (1) Maka hendaklah dilantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Penguasa Kanan, Penguasa, Ketua Penolong Kanan Penguasa, Penolong Kanan Penguasa dan Penolong Penguasa bagi Suruhanjaya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Maka hendaklah dilantik apa-apa bilangan pegawai rendah bagi Suruhanjaya sebagaimana yang perlu untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan peruntukan Akta ini.

(3) Semua pegawai dan pegawai rendah Suruhanjaya ialah anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

(4) Tiap-tiap pegawai dan pegawai rendah Suruhanjaya hendaklah mempunyai apa-apa kuasa yang diperuntukkan baginya di bawah Akta ini dan hendaklah tertakluk kepada arahan, kawalan dan pengawasan Ketua Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai lain Suruhanjaya yang lebih tinggi pangkatnya daripadanya, dan hendaklah menjalankan kuasa-kuasanya, melaksanakan fungsi-fungsinya dan menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan mematuhi apa-apa arahan atau petunjuk yang dinyatakan secara lisan atau bertulis oleh Ketua Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai lain Suruhanjaya yang lebih tinggi pangkatnya daripadanya.

(5) Tiap-tiap pegawai Suruhanjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah apabila mula-mula menyertai Suruhanjaya dan sebelum mula menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatannya membuat, di hadapan seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa Kanan atau yang lebih tinggi mengikut cara yang diakuinya sebagai yang paling mengikat perasaan hati nuraninya, suatuakuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 71.

(6) Perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai dan pegawai rendah Suruhanjaya, dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang pelantikannya di bawah Akta ini.



(7) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, tiap-tiap orang yang memegang jawatan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 hendaklah disifatkan sebagai pegawai Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen ini dan kehendak subseksyen (5) hendaklah disifatkan telah dipenuhi, dan tiap-tiap pegawai itu hendaklah memegang apa-apa gelaran jawatan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Fungsi pegawai Suruhanjaya**

7. Pegawai-pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu;
- (b) mengesan dan menyiasat—
  - (i) apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini;
  - (ii) apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; dan
  - (iii) apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah;
- (d) mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;
- (e) menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan-kewajipan badan-badan awam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;

- (f) mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan
- (g) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

### **Pengemukaan kad kuasa**

**8.** Tiap-tiap pegawai dan pegawai rendah Suruhanjaya apabila bertindak di bawah Akta ini, hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini.

### **Pegawai disifatkan sentiasa bertugas**

**9.** Tiap-tiap pegawai Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sentiasa bertugas apabila dikehendaki melaksanakan kewajipan atau fungsinya dan boleh melaksanakan kewajipan atau fungsi itu dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain di mana-mana tempat di dalam atau di luar Malaysia.

### **Kuasa pegawai Suruhanjaya**

**10.** (1) Sebagai tambahan kepada, dan tanpa menjejaskan, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi yang diberikan di bawah Akta ini—

- (a) seseorang pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai, bagi maksud Akta ini, segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis yang dilantik di bawah Akta Polis 1967 [*Akta 344*]; dan
- (b) seseorang pegawai rendah Suruhanjaya hendaklah mempunyai, bagi maksud Akta ini, segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai penjara yang berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 [*Akta 537*] apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan Suruhanjaya dan kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis yang berpangkat sarjan atau lebih rendah yang dilantik di bawah Akta Polis 1967.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1)—

- (a) seseorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa dan yang lebih tinggi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis dan yang lebih tinggi; dan
- (b) seseorang Ketua Penolong Kanan Penguasa, Penolong Kanan Penguasa dan Penolong Penguasa Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor dan yang lebih tinggi.

(3) Jika dalam masa apa-apa penyiasatan atau prosiding di mahkamah berkenaan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini oleh mana-mana orang, terzahir suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, yang tidak menjadi kesalahan di bawah Akta ini, tidak kira sama ada kesalahan itu dilakukan oleh orang yang sama atau mana-mana orang lain, pegawai Suruhanjaya yang bertanggungjawab bagi penyiasatan atau prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memaklumkan Pendakwa Raya atau pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya patut.

(4) Bagi maksud Akta ini—

- (a) jika sesuatu perintah, perakuan atau apa-apa perbuatan lain dikehendaki supaya diberikan, dikeluarkan atau dilakukan oleh seseorang pegawai penjaga Daerah Polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis, perintah, perakuan atau perbuatan itu boleh diberikan, dikeluarkan atau dilakukan oleh seorang pegawai kanan Suruhanjaya, dan bagi maksud itu, tempat perintah, perakuan atau perbuatan itu diberikan, dikeluarkan atau dilakukan hendaklah disifatkan sebagai Daerah Polis di bawah jagaannya;
- (b) seseorang pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai penjaga balai polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan bagi maksud itu pejabat pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai balai polis.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, seseorang pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun

Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] dan kuasa itu adalah tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangannya, tetapi sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan atau percanggahan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi peruntukan Kanun itu.

### **Kewajipan pegawai Suruhanjaya**

**11.** (1) Menjadi kewajipan Ketua Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi mereka sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 7.

(2) Ketua Pesuruhjaya hendaklah membuat laporan tahunan tentang kegiatan Suruhanjaya kepada Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah.

### **Perintah tetap**

**12.** Ketua Pesuruhjaya boleh mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran yang disebut “Perintah-Perintah Tetap”, yang selaras dengan peruntukan Akta ini tentang kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan pegawai-pegawai rendah Suruhanjaya, dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik Suruhanjaya atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas, dan pada amnya untuk memastikan Suruhanjaya berfungsi dengan cekap dan berkesan.

## **BAHAGIAN III**

### **PERUNTUKAN TENTANG LEMBAGA PENASIHAT, JAWATANKUASA KHAS DAN JAWATANKUASA ADUAN**

### **Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah**

**13.** (1) Suruhanjaya hendaklah dinasihati oleh suatu lembaga penasihat yang hendaklah dikenali sebagai Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

(2) Lembaga Penasihat hendaklah terdiri daripada—

(a) sekurang-kurangnya tujuh anggota yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri; dan

(b) Ketua Pesuruhjaya sebagai anggota *ex-officio*.

(3) Anggota-anggota yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah orang yang berintegriti yang telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion.

(4) Tempoh jawatan anggota-anggota yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah tiga tahun dan anggota itu tidak boleh memegang jawatan lebih daripada dua penggal sama ada terus menerus atau selainnya.

(5) Lembaga Penasihat hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) untuk menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;

(b) untuk menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras rasuah;

(c) untuk menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;

(d) untuk meneliti dan mengendorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;

(e) untuk meneliti laporan tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah; dan

(f) untuk mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta ini kepada Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah.

**Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah**

**14.** (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah yang hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- (b) untuk memeriksa laporan tahunan Suruhanjaya;
- (c) untuk memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta ini; dan
- (d) untuk mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai laporan tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

(2) Jawatankuasa Khas hendaklah terdiri daripada tujuh anggota, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, dan mereka hendaklah dipilih daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat kedua-duanya, dan tiada seorang daripada mereka merupakan anggota pentadbiran.

(3) Anggota-anggota yang hendak dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang dinamakan oleh Ketua Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

(4) Tempoh jawatan anggota Jawatankuasa Khas ialah tiga tahun tetapi seseorang anggota tidak boleh memegang jawatan lebih daripada dua penggal sama ada terus-menerus atau selainnya.

(5) Jawatankuasa Khas hendaklah membuat laporan tahunan mengenai penunaian fungsinya kepada Perdana Menteri yang hendaklah membentangkan suatu salinan laporan tahunan itu di hadapan setiap Majlis Parlimen.

**Jawatankuasa Aduan**

**15.** (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa aduan yang hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya; dan

- (b) untuk mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Menteri boleh melantik tidak lebih daripada lima orang, yang difikirkannya patut dan sesuai, untuk menjadi anggota Jawatankuasa Aduan.

#### BAHAGIAN IV

#### KESALAHAN DAN PENALTI

#### **Kesalahan menerima suapan**

**16.** Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—

- (a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab—

- (A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau
- (B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat,

melakukan suatu kesalahan.

**Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen**

17. Seseorang melakukan kesalahan jika—

- (a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau
- (b) dia memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

**Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen**

18. Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

**Penerima atau pemberi suapan melakukan suatu kesalahan tanpa mengambil kira maksud tidak dilaksanakan atau perkara tidak berkaitan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipal**

19. (1) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana ejen bagi apa-apa kesalahan di bawah perenggan 17(a) adalah



dibuktikan bahawa dia telah secara rasuah meminta, menyetujui terima, memperoleh atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan sedangkan dia ada sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa suapan itu telah diminta atau ditawarkan sebagai suatu dorongan atau upah supaya dia melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau supaya dia memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, ejen itu melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan itu walaupun—

- (a) dia tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian;
- (b) dia telah menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian;
- (c) dia telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian; atau
- (d) perbuatan, sokongan atau tentangan itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

(2) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kesalahan di bawah perenggan 17(b) adalah dibuktikan bahawa dia telah secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau bagi memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang kerana dia ada sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa ejen itu mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian atau untuk memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian dan bahawa perbuatan, sokongan atau tentangan itu adalah berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, dia melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan itu walaupun ejen itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang atau bahawa perbuatan, sokongan atau tentangan itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

**Secara rasuah mendapatkan penarikan balik tender****20. Seseorang—**

- (a) yang, dengan niat untuk memperoleh suatu kontrak daripada mana-mana badan awam bagi melaksanakan apa-apa kerja, mengadakan apa-apa perkhidmatan, melakukan apa-apa jua, atau membekalkan apa-apa barang, bahan atau benda, menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah membuat suatu tender untuk mendapatkan kontrak itu, sebagai suatu dorongan atau upah bagi orang itu menarik balik tendernya itu; atau
- (b) yang meminta atau menerima apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah baginya menarik balik suatu tender yang telah dibuat olehnya untuk mendapatkan kontrak itu,

melakukan suatu kesalahan.

**Penyogokan pegawai badan awam**

**21.** Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya—

- (a) pegawai itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu;
- (b) pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mencepatkan, melambatkan, merintang atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;
- (c) pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau
- (d) pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian,

melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan

yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

### **Penyogokan pegawai awam asing**

**22.** Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain memberikan, menjanjikan atau menawarkan, atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan, kepada mana-mana pegawai awam asing, atau sebagai seorang pegawai awam asing, meminta, menyetujui terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh, sama ada bagi faedah pegawai awam asing itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya, atau kerana—

- (a) pegawai awam asing itu menggunakan kedudukannya untuk mempengaruhi apa-apa perbuatan atau keputusan negara asing atau organisasi antarabangsa awam yang baginya pegawai itu melaksanakan apa-apa fungsi rasmi;
- (b) pegawai awam asing itu melaksanakan, telah melakukan atau tidak melakukan, atau menahan diri daripada melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mempercepatkan, melambatkan, merintangikan atau menghalang pelaksanaan, apa-apa kewajipan awamnya; atau
- (c) pegawai awam asing itu membantu untuk mendapatkan atau menghalang pemberian apa-apa kontrak bagi faedah mana-mana orang,

melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai awam asing itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan skop tugas rasminya.

**Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan**

**23.** (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengengainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan dengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.

**Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23**

**24.** (1) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 apabila disabitkan boleh—

- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan

itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 18 apabila disabitkan boleh—

(a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan

(b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

### **Kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan**

**25.** (1) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh, suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.

(4) Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Berurusan tentang, menggunakan, memegang, menerima atau menyembunyikan suapan atau faedah berhubungan dengan apa-apa kesalahan**

26. Mana-mana orang yang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak mana-mana orang lain, membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa urusan berhubungan dengan apa-apa harta, atau selainnya menggunakan atau menyebabkan digunakan, atau memegang, menerima atau menyembunyikan apa-apa harta atau mana-mana bahagiannya yang menjadi hal perkara suatu kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 atau 23 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

**Pembuatan pernyataan yang palsu atau dimaksudkan untuk mengelirukan, dsb., kepada pegawai Suruhanjaya atau Pendakwa Raya**

27. (1) Jika mana-mana orang membuat atau menyebabkan mana-mana orang lain membuat kepada seseorang pegawai Suruhanjaya atau Pendakwa Raya, semasa pegawai itu atau Pendakwa Raya menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan oleh Akta ini, apa-apa pernyataan yang diketahui oleh orang yang membuat pernyataan itu, atau yang menyebabkan pernyataan itu dibuat—

- (a) adalah palsu atau dimaksudkan untuk mengelirukan; atau
- (b) tidak selaras dengan apa-apa pernyataan lain yang dibuat sebelum itu oleh orang itu kepada mana-mana orang yang mempunyai kuasa atau wenang di bawah mana-mana undang-undang, atau selainnya, untuk menerima, atau menghendaki supaya dibuat, pernyataan lain itu tidak kira sama ada atau tidak orang yang membuat pernyataan itu mempunyai apa-apa obligasi di sisi undang-undang atau obligasi lain untuk menyatakan yang benar,

dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang telah membuat sesuatu pernyataan kepada seorang pegawai Suruhanjaya atau kepada Pendakwa Raya, semasa pegawai itu atau Pendakwa Raya menjalankan mana-mana

kuasa yang diberikan oleh Akta ini, kemudiannya membuat apa-apa pernyataan lain kepada mana-mana orang yang mempunyai kuasa atau wenang di bawah mana-mana undang-undang, atau selainnya, untuk menerima, atau menghendaki supaya dibuat, pernyataan lain itu, tidak kira sama ada atau tidak orang yang membuat pernyataan itu mempunyai obligasi di sisi undang-undang atau obligasi lain untuk menyatakan yang benar, dia, jika pernyataan yang lain itu tidak selaras dengan apa-apa pernyataan yang dibuat sebelumnya kepada seseorang pegawai Suruhanjaya atau Pendakwa Raya, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud perenggan (1)(b) dan subseksyen (2), apa-apa pernyataan yang dibuat dalam apa-apa prosiding undang-undang di hadapan mana-mana mahkamah, sama ada sivil atau jenayah, atau apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang dalam apa-apa prosiding tatatertib, sama ada prosiding undang-undang atau prosiding tatatertib itu adalah terhadap orang yang membuat pernyataan itu atau terhadap mana-mana orang lain, hendaklah disifatkan sebagai suatu pernyataan yang dibuat kepada seorang yang mempunyai kuasa atau wenang di bawah undang-undang untuk menerima pernyataan yang dibuat sedemikian.

### **Percubaan, persediaan, persubahatan dan komplot jenayah boleh dihukum sebagaimana kesalahan**

**28.** (1) Mana-mana orang yang—

- (a) cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan kesalahan atau untuk membantu pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubahat, atau terlibat dalam komplot jenayah, untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini,

melakukan kesalahan itu dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Mana-mana peruntukan Akta ini yang mengandungi sebutan mengenai sesuatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan khusus Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) berhubungan dengan kesalahan di bawah peruntukan khusus itu.

(3) Perenggan (1)(a) tidaklah terpakai jika suatu percubaan untuk melakukan apa-apa perbuatan dijadikan dengan nyata suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan perenggan (1)(c) tidaklah terpakai bagi kes sesuatu persubahatan suatu kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 164 Kanun Keseksaan.

## BAHAGIAN V

### PENYIASATAN, PEMERIKSAAN DAN PENGGELEDAHAN, PENYITAPAN DAN PENANGKAPAN

#### **Kuasa untuk menyiasat aduan dan maklumat**

**29.** (1) Tiap-tiap aduan yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dibuat secara lisan atau bertulis kepada seorang pegawai Suruhanjaya, dan jika dibuat secara lisan, aduan itu hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis dan dibacakan kepada orang yang membuat aduan itu; dan tiap-tiap aduan, sama ada bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis, hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuat aduan itu.

(2) Tiap-tiap aduan, sama ada yang bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis, hendaklah dicatatkan dalam suatu buku yang disimpan di pejabat Suruhanjaya dan hendaklah dilampirkan pada catatan itu tarikh dan masa aduan itu dibuat.

(3) Jika seseorang pegawai Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini berikutan dengan suatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau maklumat yang diterima selainnya olehnya, dia hendaklah menyebabkan penyiasatan dibuat dan bagi maksud itu boleh menjalankan segala kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan Kanun Tatacara Jenayah.

(4) Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Suruhanjaya dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu, melainkan jika pendedahan itu dibuat dengan persetujuan Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi.



(5) Suatu salinan, yang diperakui oleh seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa dan yang lebih tinggi, bagi catatan di bawah subseksyen (2) tentang sesuatu aduan di bawah subseksyen (1) boleh diterima sebagai keterangan kandungan asal aduan itu dan masa, tempat dan cara aduan itu direkodkan.

### **Kuasa untuk memeriksa orang**

**30.** (1) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang menyiasat sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh—

- (a) memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu;
- (b) memerintahkan mana-mana orang supaya mengemukakan di hadapannya apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer, atau apa-apa salinan diperakuihnya, atau apa-apa benda lain yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu, dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh pegawai itu;
- (c) dengan notis bertulis mengarahkan mana-mana orang supaya memberikan pernyataan bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar yang menyatakan dalamnya segala maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu, iaitu maklumat yang, pada pendapat pegawai itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan kesalahan itu, dalam tempoh yang dinyatakan oleh pegawai itu; dan
- (d) memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya bagi tujuan diambil sampel tulisan tangannya atau sampel suaranya.

(2) Perenggan (1)(b) tidaklah terpakai bagi buku jurubank.

(3) Seseorang yang telah diberi suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) hendaklah—

- (a) hadir mengikut terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir dari hari ke hari jika diarahkan sedemikian sehingga pemeriksaan itu selesai; dan
- (b) semasa pemeriksaan itu, mendedahkan segala maklumat yang diketahuinya, atau yang tersedia untuknya, berkenaan

dengan perkara yang berhubungan dengannya dia diperiksa, dan menjawab dengan benar dan setakat yang dia tahu dan percaya apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya, dan tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa jawapan itu dapat menunjukkan bahawa dia atau isteri atau suaminya bersalah.

(4) Seseorang yang telah diberi suatu perintah di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah, memindahkan dari Malaysia, atau membuat urusan tentang, menggunakan, atau melupuskan, apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer, atau barang yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubah atau mencatatkan apa-apa catatan dalam mana-mana buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer itu, atau menyebabkan perbuatan itu dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukan perbuatan itu.

(5) Seseorang yang telah diberi suatu notis bertulis di bawah perenggan (1)(c) hendaklah, dalam pernyataannya, memberikan dan mendedahkan dengan sebenarnya segala maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu yang diketahuinya atau yang tersedia untuknya, dan tidak boleh enggan memberikan atau mendedahkan maklumat itu atas alasan bahawa maklumat itu dapat menunjukkan bahawa dia atau isteri atau suaminya bersalah.

(6) Seseorang yang telah diberi suatu perintah atau notis di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi perintah atau notis itu, dan subseksyen (3), (4) dan (5), walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan.

(7) Jika mana-mana orang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer atau barang menurut subseksyen (1), (3) dan (5), baik orang yang mula-mula disebut itu mahupun mana-mana orang lain yang bagi pihaknya atau atas arahannya atau yang sebagai ejen atau pekerjanya orang yang mula-mula disebut itu bertindak tidak boleh, oleh sebab pendedahan atau pengemukaan itu, dikenakan apa-apa pendakwaan, kecuali pendakwaan atas kesalahan di bawah seksyen 27, bagi apa-apa kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, atau dikenakan apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang atau di bawah atau menurut kuasa apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan, atau selainnya.

(8) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (1)(a) hendaklah merekodkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang itu dan pernyataan yang direkodkan sedemikian hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(9) Rekod sesuatu pemeriksaan di bawah perenggan (1)(a), atau sesuatu pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar yang dibuat menurut perenggan (1)(c), atau apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer, atau barang yang dikemukakan di bawah perenggan (1)(b) atau selainnya semasa pemeriksaan di bawah perenggan (1)(a), atau di bawah suatu pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar yang dibuat menurut perenggan (1)(c), atau rekod pemeriksaan sampel yang diambil di bawah perenggan (1)(d) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah—

(a) bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;

(b) bagi pelucuthakan harta menurut seksyen 40 atau 41,

tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang diperiksa, atau yang mengemukakan buku, dokumen, rekod, akaun atau data komputer, atau barang itu, atau yang membuat pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar itu, atau terhadap mana-mana orang lain.

(10) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

### **Kuasa untuk memeriksa dan menggeledah dan menyita**

**31.** (1) Bilamana ternyata pada Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya, berdasarkan maklumat, dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa di mana-mana tempat ada apa-apa keterangan tentang pelaksanaan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dia

boleh dengan perintah bertulis mengarahkan seseorang pegawai Suruhanjaya supaya—

- (a) memasuki mana-mana premis dan di situ mencari, menyita dan mengambil milik apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data, atau barang lain;
- (b) memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun atau data;
- (c) memeriksa mana-mana orang yang ada di dalam atau di premis itu, dan bagi maksud pemeriksaan itu menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat sebagaimana yang perlu untuk memudahkan pemeriksaan itu, dan menyita dan menahan apa-apa barang yang dijumpai pada orang itu;
- (d) memecah buka, meneliti dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau bejana; atau
- (e) memberhentikan, menggeledah dan menyita apa-apa pengangkut.

(2) Bilamana perlu berbuat demikian, seseorang pegawai Suruhanjaya yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah subseksyen (1) boleh—

- (a) memecah buka mana-mana pintu atau tingkap luar atau dalam mana-mana premis dan masuk ke dalamnya, atau selainnya masuk dengan kekerasan ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pemindahan itu sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
- (c) menahan mana-mana orang yang ditemui di dalam atau di mana-mana premis, atau di dalam mana-mana pengangkut, yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga premis atau pengangkut itu selesai digeledah.

(3) Bilamana didapati oleh seseorang pegawai Suruhanjaya bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa ada tersembunyi atau disimpan di mana-mana tempat apa-apa keterangan pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan

pegawai itu mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh perintah bertulis Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya di bawah subseksyen (1), matlamat penggeledahan mungkin terkecewa, dia boleh menjalankan, di dalam dan berkenaan dengan tempat itu, segala kuasa yang tersebut dalam subseksyen (1) dan (2) seolah-olah dia telah diarahkan supaya berbuat demikian oleh perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

(4) Tiada seorang pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh orang yang sama jantinya dengan orang yang diperiksa.

### **Terjemahan**

**32.** (1) Jika seseorang pegawai Suruhanjaya menjumpai, menyita, menahan atau mengambil milik apa-apa buku, dokumen atau rekod pada menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini, dan buku, dokumen atau rekod itu atau mana-mana bahagiannya adalah dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, atau dalam apa-apa isyarat atau kod, pegawai itu boleh menghendaki orang yang memiliki, menjaga atau mengawal buku atau dokumen itu supaya memberi pegawai itu terjemahan dalam bahasa kebangsaan bagi buku, dokumen atau rekod itu dalam tempoh yang, pada pendapat pegawai itu, munasabah setelah mengambil kira panjang buku, dokumen atau rekod itu, atau hal keadaan yang berhubungan dengannya.

(2) Tiada seorang pun boleh dengan disedarinya memberikan terjemahan di bawah subseksyen (1) yang tidak betul, tepat dan benar, atau dengan disedarinya membuat terjemahan di bawah subseksyen itu yang tidak betul, tepat dan benar.

(3) Jika orang yang dikehendaki supaya memberikan terjemahan di bawah subseksyen (1) bukanlah orang yang disyaki melakukan kesalahan yang sedang disiasat itu, Suruhanjaya boleh membayar balik kepada orang itu apa-apa belanja yang munasabah yang telah dilakukan olehnya pada memberikan terjemahan itu.

**Penyitaan harta alih**

**33.** (1) Semasa penyiasatan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini apa-apa harta alih, yang mana-mana pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki menjadi hal perkara sesuatu kesalahan atau menjadi keterangan yang berhubungan dengan kesalahan itu, boleh disita.

(2) Suatu senarai harta alih yang disita menurut subseksyen (1) dan tempat masing-masing harta itu dijumpai hendaklah disediakan oleh pegawai Suruhanjaya yang melaksanakan penyitaan itu dan ditandatangani olehnya.

(3) Suatu salinan senarai yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disampaikan dengan seberapa segera yang mungkin pada pemunya harta itu atau orang yang daripadanya harta itu disita.

(4) Jika apa-apa harta alih yang boleh disita di bawah subseksyen (2) berada dalam milikan, jagaan atau kawalan suatu bank, subseksyen (1), (2) dan (3) tidaklah terpakai baginya dan peruntukan seksyen 37 hendaklah terpakai baginya.

**Peruntukan lanjut berhubungan dengan penyitaan harta alih**

**34.** (1) Jika apa-apa harta alih disita di bawah Akta ini, penyitaan itu hendaklah dilaksanakan dengan memindahkan harta alih itu daripada milikan, jagaan atau kawalan orang yang daripadanya harta itu disita dan meletakkannya di bawah jagaan mana-mana orang atau pihak berkuasa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi.

(2) Jika tidak praktik, atau selainnya tidak wajar, untuk melaksanakan pemindahan apa-apa harta alih di bawah subseksyen (1), pegawai yang disebut dalam subseksyen itu boleh meninggalkannya di premis tempat harta itu disita di bawah jagaan mana-mana orang yang ditugaskannya bagi maksud itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana harta alih, termasuk apa-apa harta alih yang disebut dalam subseksyen (6), telah disita di bawah Akta ini, seorang pegawai Suruhanjaya yang

berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi, selain pegawai yang melaksanakan penyitaan itu, boleh mengikut budi bicaranya—

- (a) memulangkan buat sementara harta alih itu kepada pemunyaanya, atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya harta itu disita, atau kepada mana-mana orang yang berhak kepadanya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan, dan tertakluk, bagaimanapun, kepada pemberian jaminan yang mencukupi untuk memastikan bahawa harta alih itu akan diserahkan apabila tuntutan dibuat oleh pegawai yang membenarkan pelepasan itu dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi; atau
- (b) memulangkan harta alih itu kepada pemunyaanya, atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya harta itu disita, atau kepada mana-mana orang yang berhak kepadanya, dengan memberikan kebebasan kepada orang yang kepadanya harta itu dipulangkan sedemikian untuk melupuskan harta itu, dan pemulangan itu dijadikan tertakluk kepada pemberian jaminan yang amaunnya tidak kurang daripada amaun yang merupakan nilai pasaran terbuka harta itu pada tarikh harta itu dipulangkan.

(4) Jika mana-mana orang yang kepadanya harta alih dipulangkan buat sementara di bawah perenggan (3)(a) tidak menyerahkan harta itu apabila dituntut atau tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan itu—

- (a) jaminan yang diberikan berkenaan dengan harta itu hendaklah terlucut hak; dan
- (b) orang itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua kali ganda amaun jaminan yang diberikan olehnya, dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(5) Jika suatu perintah pelucuthakan dibuat oleh mahkamah berkenaan dengan harta yang dipulangkan di bawah perenggan (3) (b), pelucuthakan itu hendaklah dilaksanakan dengan melucuthakkan jaminan yang diberikan oleh orang yang kepadanya harta itu dipulangkan.

(6) Jika apa-apa harta alih yang disita di bawah Akta ini terdiri daripada wang, syer, sekuriti, saham, debentur atau apa-apa hak dalam tindakan, yang berada dalam milikan atau di bawah jagaan atau kawalan mana-mana orang selain orang yang terhadapnya

pendakwaan akan dibuat, penyitaan itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi yang menyampaikan pada orang itu suatu perintah—

- (a) yang melarang orang itu menggunakan, memindahkan, atau membuat urusan tentang harta itu; atau
- (b) menghendaki orang itu menyerahkan harta itu kepada seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi mengikut cara dan dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

(7) Jika apa-apa harta alih yang disita ialah suatu yang mudah reput atau menjadi rosak, atau merupakan harta yang tidak dapat disenggara tanpa kesukaran, atau yang tidak praktik untuk disenggara dan tidak dapat diuruskan di bawah subseksyen (3), maka seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi boleh menjual atau menyebabkan dijual harta itu dan hendaklah memegang hasil jualan itu, selepas ditolak daripadanya kos dan belanja penyenggaraan dan penjualan harta itu, untuk menanti keputusan apa-apa prosiding di bawah Akta ini.

### **Penyiasatan akaun syer, pembelian, dsb.**

**35.** (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana rukun undang-undang, Pendakwa Raya, atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya, jika dia berpuas hati bahawa itu perlu bagi maksud apa-apa penyiasatan tentang sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, boleh memberi kuasa secara bertulis seseorang pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan berhubung dengan mana-mana bank yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu segala kuasa penyiasatan yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh, berhubung dengan bank yang berkenaan dengannya dia diberi kuasa sedemikian—

- (a) memeriksa dan mengambil salinan mana-mana buku bank, akaun bank atau apa-apa dokumen yang dipunyai oleh atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalan bank itu;



- (b) memeriksa dan mengambil salinan mana-mana akaun syer, akaun pembelian, akaun perbelanjaan atau apa-apa akaun lain kepunyaan mana-mana orang yang disimpan di bank itu;
- (c) memeriksa kandungan mana-mana peti simpan selamat di bank itu; atau
- (d) meminta apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan mana-mana dokumen, akaun atau barang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c).

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (2), seseorang pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh mengambil milik apa-apa buku, dokumen, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai yang dia mempunyai akses kepadanya di bawah subseksyen itu jika pada pendapat pegawai itu—

- (a) pemeriksaannya, penyalinannya, atau pengambilan cabutan daripadanya, tidak dapat semunasabahnya dibuat tanpa mengambil miliknya;
- (b) ia mungkin diganggu atau dimusnahkan melainkan jika dia mengambil miliknya; atau
- (c) ia mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

(4) Mana-mana orang yang dengan sengaja tidak atau enggan mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa akaun, dokumen atau barang yang disebut dalam subseksyen (2) kepada pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(5) Jika mana-mana orang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa akaun atau dokumen atau barang kepada seseorang pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa, baik orang yang mula-mula disebut itu mahupun mana-mana orang lain yang bagi pihaknya atau atas arahnya atau yang sebagai ejen atau pekerjanya orang yang mula-mula disebut itu bertindak tidak boleh, oleh sebab pendedahan atau pengemukaan itu, dikenakan apa-apa pendakwaan, kecuali pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 27, bagi apa-apa kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang, atau apa-apa prosiding

atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang, atau di bawah atau menurut kuasa mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan, atau selainnya.

### **Kuasa untuk memperoleh maklumat**

**36.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi, jika dia mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai, berdasarkan penyiasatan yang dijalankan oleh seseorang pegawai Suruhanjaya, bahawa apa-apa harta dipegang atau diperoleh oleh mana-mana orang hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, boleh dengan notis bertulis—

- (a) menghendaki orang itu supaya memberikan pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar—
  - (i) yang mengenal pasti tiap-tiap harta, sama ada alih atau tak alih, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang dipunyai atau dimiliki olehnya, atau yang mengenainya dia mempunyai apa-apa kepentingan, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, dan menyatakan tarikh setiap harta yang dikenal pasti itu diperoleh dan cara bagaimana ia diperoleh, sama ada dengan jalan urus niaga, bekues, devis, pewarisan, atau apa-apa cara lain;
  - (ii) yang mengenal pasti tiap-tiap harta yang dihantar keluar dari Malaysia olehnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu;
  - (iii) yang menyatakan nilai anggaran dan tempat terletaknya setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (i) dan (ii), dan jika mana-mana harta itu tidak dapat diketahui tempat letaknya, sebab mengapa;
  - (iv) yang menyatakan berkenaan dengan setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (i) dan (ii) sama ada harta itu dipegang olehnya atau oleh mana-mana orang lain bagi pihaknya, sama ada harta itu telah dipindah hakmilik, dijual kepada atau disimpan dengan mana-mana orang, sama ada harta itu telah susut nilainya sejak dia memperolehnya, dan sama ada ia telah berbaur dengan harta lain yang tidak dapat dipisahkan atau dibahagikan tanpa kesukaran;

- (v) menyatakan segala maklumat lain yang berhubungan dengan hartanya, perniagaannya, perjalanannya, atau kegiatan-kegiatannya yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; dan
  - (vi) menyatakan segala punca pendapatannya, perolehannya atau asetnya;
- (b) menghendaki mana-mana saudara atau sekutu orang yang disebut dalam perenggan (1)(a), atau mana-mana orang lain yang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi ada sebab untuk mempercayai dapat membantu dalam penyiasatan itu, supaya memberikan pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar—
- (i) yang mengenal pasti tiap-tiap harta, sama ada alih atau tak alih, sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang dipunyai atau dimiliki olehnya, atau yang mengenainya orang itu mempunyai apa-apa kepentingan, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, dan menyatakan tarikh setiap harta yang dikenal pasti itu diperolehi dan cara bagaimana ia diperolehi, sama ada dengan jalan urus niaga, bekues, devis, pewarisan, atau apa-apa cara lain;
  - (ii) yang mengenal pasti tiap-tiap harta yang dihantar keluar dari Malaysia olehnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu;
  - (iii) yang menyatakan nilai anggaran dan tempat terletaknya setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (i) dan (ii), dan jika mana-mana harta itu tidak dapat diketahui tempat letaknya, sebab mengapa;
  - (iv) yang menyatakan berkenaan dengan setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (i) dan (ii) sama ada harta itu dipegang olehnya atau oleh mana-mana orang lain bagi pihaknya, sama ada harta itu telah dipindah hakmilik, dijual kepada atau disimpan dengan mana-mana orang, sama ada harta itu telah susut nilainya sejak dia memperolehnya, dan sama ada ia telah berbaur dengan harta lain yang tidak dapat dipisahkan atau dibahagikan tanpa kesukaran;
  - (v) menyatakan segala maklumat lain yang berhubungan dengan setiap harta yang dikenal pasti di bawah subperenggan (i) dan (ii), dan perniagaan, perjalanan, atau kegiatan-kegiatan lain orang itu; dan

- (vi) menyatakan segala punca pendapatan, perolehan atau aset orang itu; dan
- (c) menghendaki mana-mana pegawai mana-mana bank atau institusi kewangan, atau mana-mana orang yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan dan kawalan hal ehwal mana-mana bank atau mana-mana institusi kewangan, supaya memberikan salinan mana-mana atau semua akaun, dokumen dan rekod yang berhubungan dengan mana-mana orang yang kepadanya notis dikeluarkan di bawah perenggan (a) atau (b).

(2) Tiap-tiap orang yang kepadanya notis dihantar oleh pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi di bawah subseksyen (1) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, mematuhi terma notis itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, dan mana-mana orang yang dengan sengaja mengabaikan atau tidak mematuhi terma notis itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(3) Jika pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana pegawai badan awam yang kepadanya telah disampaikan notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan, setelah diambil kira emolumennya yang sekarang dan yang lalu dan segala hal keadaan yang berkaitan, pegawai Suruhanjaya sedemikian boleh dengan arahan bertulis menghendakinya memberikan pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang menjelaskan bagaimana dia dapat mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang lebihan itu dan jika dia tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan bagi lebihan itu, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai lebihan itu, jika lebihan itu dapat dinilai, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(4) Tiap-tiap orang yang kepadanya suatu arahan dihantar oleh seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi di bawah subseksyen (3) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, mematuhi terma arahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam arahan itu, dan jika orang itu dengan sengaja mengabaikan atau tidak mematuhi arahan itu dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- (b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai lebihan itu, jika lebihan itu dapat dinilai, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(5) Tiap-tiap orang yang kepadanya notis atau arahan dihantar oleh seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi di bawah seksyen ini hendaklah terikat untuk menyatakan yang benar dan hendaklah mendedahkan segala maklumat yang diketahuinya, atau tersedia untuknya atau yang dapat diperoleh olehnya.

(6) Jika mana-mana orang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa akaun, dokumen atau rekod, sebagai jawapan bagi apa-apa notis di bawah subseksyen (1), orang itu, ejennya atau pekerjanya, atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihaknya atau atas arahannya, tidak boleh sematamata oleh sebab pendedahan atau pengemukaan itu, dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang, atau apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang atau di bawah atau menurut kuasa apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan, atau selainnya.

(7) Subseksyen (6) tidak boleh menggalang, menghalang atau melarang pemulaan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan—

- (a) sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen ini;
- (b) memberikan keterangan palsu berhubung dengan apa-apa pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang diberikan kepada seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi menurut seksyen ini; atau
- (c) yang diperuntukkan dalam seksyen 27.

**Arahan untuk tidak melepaskan, berurusan tentang, harta alih di bank, dsb.**

**37.** (1) Jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seseorang pegawai Suruhanjaya bahawa apa-apa harta alih, termasuk apa-apa instrumen wang atau apa-apa pertambahan kepadanya, yang menjadi hal perkara sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau keterangan berhubung dengan pelakuan kesalahan itu, ada dalam milikan, jagaan atau kawalan suatu bank, dia boleh, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain atau rukun undang-undang, dengan perintah mengarahkan bank itu supaya tidak melepaskan, berurusan tentang, atau selainnya melupuskan harta itu atau mana-mana bahagiannya sehingga perintah itu dibatalkan atau diubah.

(2) Sesuatu bank atau mana-mana ejen atau pekerja sesuatu bank tidak boleh, oleh sebab pematuhan itu, dikenakan apa-apa pendakwaan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang atau apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang atau di bawah atau menurut kuasa apa-apa kontrak, perjanjian, atau perkiraan, atau selainnya.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu perintah Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua kali ganda amaun yang dibayar dengan melanggar perintah Pendakwa Raya itu atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

**Penyitaan harta tak alih**

**38.** (1) Jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seseorang pegawai Suruhanjaya bahawa apa-apa harta alih ialah hal perkara suatu kesalahan di bawah Akta ini atau keterangan pelakuan kesalahan itu, harta itu boleh disita, dan penyitaan hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan pengeluaran Notis Penyitaan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan butir-butir harta tak alih yang disita itu setakat yang butir-butir itu diketahuinya, dan melarang segala urusan tentang harta tak alih itu;

- (b) dengan menyiarkan suatu salinan Notis itu dalam dua akhbar yang diedarkan di Malaysia, satu daripadanya dalam bahasa kebangsaan dan yang satu lagi dalam bahasa Inggeris; dan
- (c) dengan menyampaikan suatu salinan Notis itu pada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Semenanjung Malaysia, atau Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sabah, atau pada Pengarah Tanah dan Ukur atau Pendaftar yang bertanggungjawab bagi hakmilik tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sarawak, bagi kawasan tempat terletakinya harta tak alih itu.

(2) Pentadbir Tanah, Pemungut Hasil Tanah, Pengarah Tanah dan Ukur, Pendaftar Hakmilik atau Pendaftar yang bertanggungjawab bagi hakmilik tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dengan serta-merta apabila disampaikan kepadanya Notis Penyitaan di bawah subseksyen (1) mencatatkan terma Notis Penyitaan itu pada dokumen hakmilik yang berkenaan dengan harta tak alih itu dalam Daftar di pejabatnya.

(3) Jika catatan tentang Notis Penyitaan telah dibuat di bawah subseksyen (2), Notis itu hendaklah mempunyai kesan melarang segala urusan berkenaan dengan harta tak alih itu, dan selepas catatan itu dibuat tiada urusan berkenaan dengan harta tak alih itu boleh didaftarkan, tidak kira sama ada ia disempurnakan sebelum atau selepas pengeluaran Notis itu atau pembuatan catatan itu.

(4) Subseksyen (3) tidaklah terpakai bagi sesuatu urusan yang dilaksanakan oleh seseorang pegawai badan awam atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian, atau selainnya oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun lain.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghasilkan, atau menyebabkan, pelanggaran subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua kali ganda nilai harta yang berkenaan dengannya perintah Pendakwa Raya telah dilanggar, atau lima puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(6) Jika suatu Notis Penyitaan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1), menjadi kesalahan bagi tuan punya berdaftar harta tak alih yang disita di bawah Notis itu, atau bagi mana-mana orang lain yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta tak alih itu, yang tahu tentang Notis itu, membuat perjanjian dengan disedarinya dengan mana-mana orang untuk menjual, memindah hakmilik, atau selainnya melupuskan atau membuat urusan tentang, keseluruhan atau mana-mana bahagian harta tak alih itu.

### **Larangan urusan tentang harta di luar Malaysia**

**39.** Jika Pendakwa Raya berpuas hati bahawa apa-apa harta ialah hal perkara sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, dan harta itu dipegang atau didepositkan di luar Malaysia, dia boleh membuat suatu permohonan melalui affidavit kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan perintah yang melarang orang yang memegang harta itu atau yang dengannya harta itu didepositkan membuat urusan tentang harta itu.

### **Pelucuthakan harta apabila pendakwaan dibuat bagi sesuatu kesalahan**

**40.** (1) Dalam apa-apa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah membuat perintah bagi pelucuthakan apa-apa harta yang dibuktikan menjadi hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu jika—

- (a) kesalahan itu telah dibuktikan terhadap tertuduh; atau
- (b) kesalahan itu tidak dibuktikan terhadap tertuduh, tetapi mahkamah berpuas hati—
  - (i) bahawa tertuduh bukan pemunya yang sebenar dan sah harta itu; dan
  - (ii) bahawa tiada orang lain berhak kepada harta itu sebagai pembeli dengan suci hati dengan balasan berharga.



(2) Jika kesalahan itu dibuktikan terhadap tertuduh tetapi harta yang disebut dalam subseksyen (1) telah dilupuskan atau tidak dapat dikesan, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya tertuduh membayar, sebagai penalti, suatu jumlah wang yang bersamaan dengan amaun suapan atau yang, pada pendapat mahkamah, merupakan nilai suapan yang diterima oleh tertuduh, dan apa-apa penalti sedemikian hendaklah boleh didapatkan sebagai denda.

### **Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan**

**41.** (1) Jika berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah Akta ini tiada pendakwaan atau sabitan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, Pendakwa Raya boleh, sebelum tamat tempoh lapan belas bulan dari tarikh penyitaan itu, memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Sesyen untuk mendapatkan perintah bagi pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati bahawa harta itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Hakim yang kepadanya permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah menyebabkan suatu notis disiarkan dalam *Warta* memanggil mana-mana orang yang membuat tuntutan bahawa dia mempunyai kepentingan dalam harta itu supaya hadir di hadapan Mahkamah pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, untuk menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak patut dilucuthakkan.

(3) Jika Hakim yang kepadanya permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) berpuas hati—

(a) bahawa harta itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; dan

(b) tiada pembelian suci hati dengan balasan berharga berkenaan dengan harta itu,

dia hendaklah membuat perintah bagi pelucuthakan harta itu.

(4) Harta yang berkenaan dengannya tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila tamat tempoh lapan belas bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu disita.

**Membuat urusan tentang harta selepas penyitaan adalah tidak sah**

**42.** (1) Jika apa-apa harta disita di bawah Akta ini, dan selagi penyitaan itu berkuat kuasa, apa-apa urusan yang dilaksanakan oleh mana-mana orang atau antara mana-mana orang berkenaan dengan harta itu, kecuali apa-apa urusan yang dilaksanakan di bawah Akta ini atau menurut kuasa Akta ini oleh seseorang pegawai sesuatu badan awam atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian, atau selainnya oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau suatu pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun lain, adalah tidak sah, dan tidak boleh didaftarkan atau selainnya diberi kuat kuasa oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa.

(2) Subseksyen (1) ialah tambahan kepada dan tidak mengurangkan subseksyen 38(3) dan (4).

(3) Selagi sesuatu penyitaan apa-apa harta di bawah Akta ini berkuat kuasa, tiada tindakan, guaman atau prosiding lain yang bersifat sivil boleh dimulakan, atau jika ia belum selesai sebaik sebelum penyitaan itu, dikekalkan atau diteruskan, di mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain berkenaan dengan harta yang disita sedemikian, dan tiada penahanan, pelaksanaan atau proses yang seumpama itu boleh dimulakan, atau jika apa-apa proses sedemikian belum selesai sebelum penyitaan itu, dikekalkan atau diteruskan, berkenaan dengan harta itu oleh sebab apa-apa tuntutan, penghakiman atau dekri, tidak kira sama ada tuntutan itu telah dibuat atau penghakiman atau dekri itu telah diberikan sebelum atau selepas penyitaan itu dilaksanakan, kecuali atas kehendak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau atas kehendak sesuatu pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun lain, atau kecuali dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Kuasa untuk memintas perhubungan**

**43.** (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya, jika dia berpendapat bahawa ia mungkin mengandungi apa-apa maklumat yang berkaitan bagi maksud apa-apa penyiasatan sesuatu kesalahan di bawah Akta

ini, boleh, atas permohonan seseorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi, memberi kuasa mana-mana pegawai Suruhanjaya—

- (a) untuk memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos dalam masa penghantarannya melalui pos;
- (b) untuk memintas apa-apa perutusan yang dihantar atau diterima melalui apa-apa telekomunikasi; atau
- (c) untuk memintas, mendengar dan merekodkan apa-apa perbualan melalui apa-apa telekomunikasi, dan mendengar hasil perekodan perbualan yang dipintas itu.

(2) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa maklumat yang diperolehi oleh pegawai Suruhanjaya menurut subseksyen (1), sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

(3) Sesuatu pemberikuasaan oleh Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) boleh diberikan sama ada secara lisan atau bertulis; tetapi jika pemberikuasaan lisan diberikan, Pendakwa Raya atau pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengubah pemberikuasaan itu ke dalam bentuk bertulis.

(4) Sesuatu perakuan oleh Pendakwa Raya atau pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya itu yang menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh seseorang pegawai Suruhanjaya menurut subseksyen (1) telah diberi kuasa olehnya di bawah subseksyen itu hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa tindakan itu telah diberi kuasa sedemikian, dan perakuan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangan Pendakwa Raya atau pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya.

(5) Tiada seorang pun mempunyai kewajipan, obligasi atau tanggungan, atau dengan apa-apa jua cara boleh dipaksa, untuk mendedahkan dalam apa-apa prosiding tatacara, kaedah, cara atau jalan, atau apa-apa perkara yang berhubungan dengannya, bagi apa-apa jua yang dilakukan di bawah perenggan (1)(a), (b) atau (c).

(6) Bagi maksud seksyen ini, “barang pos” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Perkhidmatan Pos 1991 [Akta 465].

### **Penyerahan dokumen perjalanan**

**44.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya boleh, jika dia ada sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang yang menjadi subjek penyiasatan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang disyaki telah dilakukan olehnya mungkin meninggalkan Malaysia, dengan notis bertulis menghendaki orang itu supaya menyerahkan perakuan pengenalan, passport atau permit keluarnya, atau apa-apa dokumen perjalanan yang lain dalam miliknya.

(2) Notis di bawah subsekyen (1) hendaklah disampaikan secara ke diri pada orang yang kepadanya ia dialamatkan.

(3) Seseorang yang padanya suatu notis di bawah subseksyen (1) disampaikan hendaklah mematuhi notis itu dengan segera, dan jika tidak dia boleh ditangkap dan dibawa ke hadapan Majistret.

(4) Jika seseorang dibawa ke hadapan seseorang Majistret di bawah subseksyen (3), Majistret itu hendaklah, melainkan jika orang itu mematuhi notis di bawah subseksyen (1) atau memuaskan hati Majistret itu bahawa dia tidak memiliki dokumen perjalanan, dengan waran mengkomitkannya ke penjara—

(a) sehingga habis tempoh empat belas hari dari tarikh pengkomitannya; atau

(b) sehingga dia mematuhi notis di bawah subseksyen (1),

mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pendakwa Raya yang bermaksud bahawa orang itu sudah mematuhi notis di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi waran yang mencukupi untuk Penguasa Penjara melepaskan orang itu.

(6) Tiada prosiding undang-undang boleh dimulakan atau dikekalkan terhadap Kerajaan, seseorang pegawai Suruhanjaya, seseorang pegawai awam atau mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan dengan sah di bawah seksyen ini.

### **Kuasa untuk meminda atau membatalkan apa-apa perintah atau notis di bawah Akta ini**

**45.** (1) Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya boleh pada bila-bila masa meminda atau membatalkan mana-mana perintah atau notis yang telah dibuat atau diberikan olehnya pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya atau pegawai itu di bawah Akta ini, tetapi apa-apa pembatalan sedemikian tidaklah menjadi galangan untuk pembuatan apa-apa perintah baru atau pemberian notis baru pada menjalankan kuasa itu atau mana-mana kuasa lain yang diberikan kepada Pendakwa Raya atau pegawai itu di bawah Akta ini, pada bila-bila masa selepas itu, terhadap mana-mana orang yang baginya perintah atau notis yang terdahulu terpakai atau berkenaan dengan apa-apa perkara yang disentuh oleh perintah atau notis yang terdahulu itu.

(2) Sesuatu pembatalan atau pindaan sesuatu perintah atau notis di bawah subseksyen (1) boleh mengandungi peruntukan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berbangkit, bersampingan atau berkaitan dengan pembatalan atau pindaan itu.

### **Peguam bela dan peguam cara boleh dikehendaki mendedahkan maklumat**

**46.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, seseorang Hakim Mahkamah Tinggi boleh, apabila permohonan dibuat kepadanya berhubungan dengan sesuatu penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, memerintahkan seseorang peguam bela dan peguam cara supaya mendedahkan maklumat yang tersedia kepadanya yang berkenaan dengan apa-apa transaksi atau urusan yang berhubungan dengan apa-apa harta yang boleh disita di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghendaki seseorang peguam bela dan peguam cara mematuhi apa-apa perintah di bawah subseksyen itu sehinggakan pematuhan itu akan

mendedahkan apa-apa maklumat atau komunikasi terlindung yang sampai kepada pengetahuannya bagi maksud apa-apa prosiding yang belum selesai.

### **Obligasi di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat**

**47.** Tertakluk kepada apa-apa batasan yang diperuntukkan di bawah Akta ini, tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seseorang pegawai Suruhanjaya atau seseorang pegawai polis supaya memberikan apa-apa maklumat tentang apa-apa perkara yang menjadi kewajipan pegawai itu untuk menyasatnya di bawah Akta ini dan yang orang itu berkuasa memberikannya, hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat itu.

### **Menghalang penyiasatan dan penggeledahan**

**48.** Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberi mana-mana pegawai Suruhanjaya akses kepada mana-mana premis, atau tidak akur kepada pemeriksaan oleh seseorang yang diberi kuasa untuk memeriksanya di bawah Akta ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggalang atau melengahkan pegawai Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini;
- (c) tidak mematuhi apa-apa permintaan, notis, perintah atau kehendak yang sah seseorang pegawai Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini;
- (d) tidak, enggan atau abai untuk memberi seseorang pegawai Suruhanjaya apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada, seseorang pegawai Suruhanjaya apa-apa buku, dokumen, atau barang, yang berhubungan dengannya pegawai itu ada alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau sedang dilakukan, atau yang boleh disita di bawah Akta ini;

- (f) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik atau menyebabkan diambil balik apa-apa jua yang telah disita dengan sewajarnya;
- (g) memusnahkan apa-apa benda untuk menghalang penyitaannya atau penahanan benda itu; atau
- (h) mengganggu, menakutkan, mengancam atau melarikan atau cuba untuk mengganggu, menakutkan, mengancam atau melarikan mana-mana orang yang terlibat dalam penyiasatan di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan.

**Kesalahan di bawah Akta menjadi kesalahan boleh tangkap dan kuasa pegawai Suruhanjaya berhubungan dengan penyiasatan**

**49.** (1) Tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) boleh dilepaskan daripada jagaan—

- (a) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya;
- (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya; atau
- (c) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya.

(3) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (2) boleh ditangkap semula tanpa waran oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya—

- (a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau

- (b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

(4) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (3) dan tidak dilepaskan hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan dalam apa-apa hal dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa bagi apa-apa perjalanan yang perlu) dikemukakan di hadapan Mahkamah Majistret dan jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar, Mahkamah itu boleh—

- (a) mereman orang itu dalam jagaan; atau
- (b) membenarkan orang itu dijamin atas syarat yang sama atau atas syarat yang lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Jika seseorang yang ditangkap kerana sesuatu kesalahan di bawah Akta ini sedang menjalani hukuman pemenjaraan atau sedang ditahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan tahanan pencegahan, atau selainnya berada dalam jagaan yang sah, dia hendaklah, apabila diperintahkan secara bertulis oleh seseorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi, dikemukakan di hadapan pegawai itu atau di hadapan mana-mana pegawai lain Suruhanjaya bagi maksud penyiasatan, dan bagi maksud itu dia boleh diletakkan dalam jagaan sah selama tempoh yang tidak melebihi empat belas hari.

(6) Seseorang yang ditahan dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (5) atau selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain boleh, pada bila-bila masa, dijadikan tersedia untuk seseorang pegawai Suruhanjaya bagi maksud penyiasatan, atau boleh dibawa ke mana-mana tempat lain bagi maksud penggeledahan tempat itu, atau penyitaan apa-apa harta, atau pengenalpastian mana-mana orang atau bagi apa-apa maksud lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu.



(7) Tempoh seseorang berada dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (6) hendaklah dikira dalam mengira tempoh pemenjaraan, penahanan atau jagaan lainnya.

(8) Jika seseorang telah ditangkap dan dibenarkan diikat jamin dan penjamin gagal untuk mengemukakannya atau jika syarat-syarat yang berdasarkannya atau tertakluk kepadanya seseorang dilepaskan tidak dipatuhi, Pendakwa Raya boleh memohon kepada Mahkamah Majistret untuk suatu perintah pelucuthakan jumlah wang yang telah didepositkan dan Mahkamah itu hendaklah menguruskan permohonan itu mengikut seksyen 404 Kanun Tatacara Jenayah.

## BAHAGIAN VI

### KETERANGAN

#### **Anggapan dalam kesalahan tertentu**

**50.** (1) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 atau 23 adalah dibuktikan bahawa apa-apa suapan telah diterima atau dipersetujui untuk diterima, disetujui terima atau dipersetujui untuk disetujui terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan, atau ditawarkan oleh atau kepada tertuduh, suapan itu hendaklah dianggap telah diterima atau dipersetujui untuk diterima, disetujui terima atau dipersetujui untuk disetujui terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan atau ditawarkan secara rasuah sebagai suatu dorongan atau upah bagi atau kerana perkara-perkara yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

(2) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 161, 162, 163 atau 164 Kanun Keseksaan, adalah dibuktikan bahawa orang itu telah menyetujui terima atau bersetuju untuk menyetujui terima, atau memperoleh atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan, orang itu hendaklah dianggap telah berbuat demikian sebagai motif atau upah bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

(3) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan adalah dibuktikan bahawa orang itu telah menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh apa-apa benda berharga tanpa balasan atau dengan balasan yang orang itu tahu tidak memadai, orang itu hendaklah dianggap telah berbuat demikian dengan mengetahui hal keadaan yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

(4) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah perenggan 137(1)(b) Akta Kastam 1967 adalah dibuktikan bahawa mana-mana pegawai kastam atau orang lain yang diambil kerja dengan sewajarnya bagi pencegahan penyeludupan telah menyetujui terima, bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh apa-apa sogokan, ganjaran, imbalan, atau upah, pegawai atau orang itu hendaklah dianggap telah berbuat demikian untuk mengabaikan atau tidak melaksanakan tugasnya sebagaimana yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

### **Keterangan sokongan**

**51.** Dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, bolehlah dibuktikan bahawa pada atau sekitar masa kesalahan yang dikatakan itu, atau pada bila-bila masa selepas itu, tertuduh, atau mana-mana saudara atau sekutunya—

- (a) memegang apa-apa harta yang tentangnya dia, atau saudara atau sekutunya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan hati tentang bagaimana harta itu sampai ke dalam pemunyaan, milikan, jagaan atau kawalannya; atau
- (b) telah membuat apa-apa urusan bagi pemerolehan apa-apa harta dan dia tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan hati tentang balasan yang baginya harta itu akan diperoleh,

dan keterangan yang berhubungan dengannya hendaklah dianggap menyokong apa-apa keterangan yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu.

**Keterangan rakan sejenayah dan ejen provokasi**

**52.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini—

(a) tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah—

(i) menyetujui terima, menerima, memperoleh, meminta, bersetuju untuk menyetujui terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan daripada mana-mana orang;

(ii) memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau

(iii) telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu;

(b) tiada ejen provokasi, sama ada dia pegawai Suruhanjaya atau tidak, boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah cuba melakukan, atau bersubahat dalam, telah bersubahat dalam atau terlibat dalam komplot jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu ialah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu; dan

(c) apa-apa pernyataan, sama ada lisan atau bertulis yang dibuat kepada seseorang ejen provokasi oleh orang itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, sesuatu sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana rakan sejenayah atau ejen provokasi tidaklah tak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah tidak menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

**Kebolehterimaan pernyataan orang tertuduh**

**53.** (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah tentang suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang orang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai lain Suruhanjaya atau mana-mana orang lain, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ancaman atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu, yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut:

“Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas ... (kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke

mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada notis sedemikian telah disampaikan kepada orang itu jika notis sedemikian disampaikan padanya dengan seberapa segera yang semunasabahnya mungkin selepas itu.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang orang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan padanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ancaman atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat terjumlah kepada, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu ialah suatu perkara matan.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (6) boleh, dalam mana-mana prosiding jenayah—

(a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau apa-apa reaksi lain tertuduh semasa apa-apa jua dikatakan dalam kehadirannya berhubungan

dengan kelakuan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan sedemikian akan boleh diterima selain oleh sebab subseksyen itu; atau

- (b) dikira sebagai menghalang pembuatan apa-apa kesimpulan daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain oleh sebab subseksyen itu.

### **Kebolehterimaan pernyataan dan dokumen orang yang sudah mati atau tidak dapat dikesan, dsb.**

**54.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai Suruhanjaya semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini; dan
- (b) apa-apa dokumen, atau salinan apa-apa dokumen, yang disita daripada mana-mana orang oleh seseorang pegawai Suruhanjaya pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini atau menurut kuasa Akta ini,

hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini di hadapan mana-mana mahkamah, jika orang yang membuat pernyataan atau dokumen itu atau salinan dokumen itu sudah mati, atau tidak dapat dikesan atau ditemui, atau sudah menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak dapat diperolehi tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah tidak munasabah.

### **Perakuan tentang kedudukan atau jawatan yang dipegang**

**55.** (1) Perakuan yang dikeluarkan oleh seseorang prinsipal atau seseorang pegawai bagi pihak prinsipalnya hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sebagai bukti *prima facie* bahawa orang yang dinamakan dalam perakuan itu—

- (a) telah memegang kedudukan, jawatan atau sifat yang dinyatakan dalam perakuan itu dan selama tempoh yang dinyatakan sedemikian; dan

(b) telah menerima emolumen yang dinyatakan dalam perakuan itu.

(2) Sesuatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi bukti *prima facie* bahawa perakuan itu telah dikeluarkan oleh orang yang berupa sebagai telah mengeluarkannya selaku prinsipal atau bagi pihak prinsipal itu tanpa bukti tentang tandatangan orang yang mengeluarkan perakuan itu dan tanpa bukti tentang kuasa orang itu untuk mengeluarkannya.

### **Kebolehterimaan terjemahan dokumen**

**56.** (1) Jika apa-apa dokumen yang digunakan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini adalah dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahan dokumen itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah boleh diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertakan dengan perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu ialah terjemahan yang benar dan tepat dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperolehi oleh pihak pendakwa di dalam atau di luar Malaysia.

### **Keterangan tentang kelaziman tidak boleh diterima**

**57.** Dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini, keterangan tidak boleh diterima untuk menunjukkan bahawa apa-apa suapan yang tersebut dalam Akta ini ialah suatu kelaziman dalam apa-apa profesion, tred, kerjaya atau pekerjaan atau dalam sesuatu upacara sosial.

## BAHAGIAN VII

## PENDAKWAAN DAN PERBICARAAN KESALAHAN

**Pendakwaan kesalahan**

**58.** Pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

**Bidang kuasa Mahkamah Sesyen**

**59.** Walau apa pun peruntukan Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], sesuatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta ini hendaklah dimulakan di Mahkamah Sesyen.

**Perbicaraan oleh Mahkamah Tinggi dengan perakuan Pendakwa Raya**

**60.** (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 417 Kanun Tatacara Jenayah dan tertakluk kepada subseksyen (5), Pendakwa Raya boleh dalam apa-apa kes tertentu yang dibicarakan di Mahkamah Sesyen bagi kesalahan di bawah Akta ini, mengeluarkan suatu perakuan menyatakan Mahkamah Tinggi yang dalamnya prosiding itu hendaklah dimulakan atau dipindahkan dan menghendaki supaya orang tertuduh disebabkan hadir atau dikemukakan di hadapan Mahkamah Tinggi itu.

(2) Kuasa Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan olehnya sendiri.

(3) Perakuan Pendakwa Raya yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Sesyen itu dan dengan itu Mahkamah Sesyen itu hendaklah memindahkan kes itu kepada Mahkamah Tinggi yang dinyatakan dalam perakuan itu dan menyebabkan orang tertuduh hadir atau dibawa di hadapan Mahkamah Tinggi itu dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan.

(4) Jika orang tertuduh itu hadir atau dibawa di hadapan Mahkamah Tinggi mengikut subseksyen (3), Mahkamah Tinggi itu hendaklah menetapkan tarikh bagi perbicaraannya yang hendaklah diadakan mengikut tatacara di bawah Bab XX Kanun Tatacara Jenayah.



(5) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi semua kes di hadapan Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak prosiding dimulakan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, dengan syarat bahawa orang tertuduh tidak mengaku salah dan tiada keterangan terhadapnya berkenaan dengan kes itu telah dikemukakan.

### **Percantuman kesalahan**

**61.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 164 Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang dituduh melakukan lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dipertuduh dan dibicarakan dalam satu perbicaraan atas apa-apa bilangan kesalahan itu yang dilakukan dalam apa-apa tempoh masa.

### **Pernyataan pembelaan**

**62.** Apabila penyerahan dokumen oleh pihak pendakwaan telah dilakukan menurut seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah, tertuduh hendaklah, sebelum permulaan perbicaraan, menyerahkan dokumen yang berikut kepada pihak pendakwaan:

- (a) suatu pernyataan pembelaan yang menyatakan secara am jenis pembelaan dan perkara-perkara mengenai pendakwaan yang dibantah oleh tertuduh, dengan menyatakan sebab-sebabnya; dan
- (b) suatu salinan mana-mana dokumen yang akan dikemukakan sebagai sebahagian daripada keterangan bagi pembelaan.

### **Pemeriksaan pesalah**

**63.** (1) Bilamana dua orang atau lebih dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini mahkamah boleh, atas permohonan bertulis Pendakwa Raya, menghendaki seorang atau lebih seorang daripada mereka supaya memberikan keterangan sebagai saksi untuk pihak pendakwaan.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang enggan membuat sumpah atau ikrar untuk menjawab apa-apa soalan yang sah hendaklah diperlakukan mengikut cara yang sama

sebagaimana saksi yang enggan sedemikian boleh diperlakukan di sisi undang-undang oleh mahkamah.

(3) Tiap-tiap orang yang dikehendaki supaya memberikan keterangan di bawah subseksyen (1), yang, pada pendapat mahkamah, membuat penzahiran yang benar dan penuh tentang semua perkara yang tentangnya dia diperiksa dengan sah, hendaklah berhak menerima perakuan tanggung rugi di bawah meterai mahkamah itu yang menyatakan bahawa orang itu telah membuat penzahiran yang benar dan penuh tentang semua perkara yang tentangnya dia diperiksa, dan perakuan itu hendaklah menjadi galangan bagi segala prosiding undang-undang terhadapnya berkenaan dengan semua benda itu.

(4) Sesuatu permohonan oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) boleh dikemukakan kepada mahkamah oleh pegawai yang menjalankan pendakwaan.

## BAHAGIAN VIII

### AM

#### **Anggota Jawatankuasa Khas tidak boleh menjadi anggota Lembaga Penasihat, dll.**

**64.** (1) Seorang anggota Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah tidak boleh dilantik menjadi anggota Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah atau anggota mana-mana jawatankuasa lain yang ditubuhkan bagi maksud Akta ini, sama ada ditubuhkan di bawah Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau selainnya.

(2) Seorang anggota Lembaga Penasihat tidak boleh dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah atau anggota mana-mana jawatankuasa lain yang ditubuhkan bagi maksud Akta ini, sama ada ditubuhkan di bawah Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau selainnya.

(3) Seorang anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan bagi maksud Akta ini, sama ada ditubuhkan di bawah Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau selainnya tidak boleh dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, menjadi anggota Lembaga Penasihat atau menjadi anggota

mana-mana jawatankuasa lain yang ditubuhkan bagi maksud Akta ini, sama ada ditubuhkan di bawah Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau selainnya.

### **Perlindungan pemberi maklumat dan maklumat**

**65.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika apa-apa aduan yang dibuat oleh seseorang pegawai Suruhanjaya menyatakan bahawa aduan itu dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh pegawai yang membuat aduan itu, maklumat yang disebut dalam aduan itu dan identiti orang yang daripadanya maklumat itu diterima hendaklah menjadi rahsia antara pegawai yang membuat aduan itu dengan orang yang memberikan maklumat itu, dan segala-gala yang terkandung dalam maklumat itu, identiti orang yang memberikan maklumat itu dan segala hal keadaan lain yang berhubungan dengan maklumat itu, termasuk tempat maklumat itu diberikan, tidak boleh didedahkan atau diperintahkan atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

(2) Jika apa-apa buku, kertas atau dokumen lain, atau apa-apa rakaman tampak atau bunyi, atau benda atau bahan lain yang diberikan sebagai keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) mengandungi apa-apa catatan atau benda lain yang menamakan atau memperihalkan atau menunjukkan mana-mana orang yang memberikan maklumat itu, atau yang mungkin membawa kepada penzahiran identitinya, mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan segala bahagian dokumen, rakaman, benda atau bahan itu atau petikan dalamnya disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan atau selainnya dihapuskan setakat yang perlu untuk melindungi identiti orang itu daripada terzahir.

(3) Mana-mana orang yang memberikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) sedangkan dia tahu bahawa maklumat itu adalah palsu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan juga boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit;

dan bagi maksud apa-apa penyiasatan atau pendakwaan apa-apa kesalahan di bawah subseksyen ini, subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai.

### **Tanggungan bagi kesalahan di luar Malaysia**

**66.** (1) Peruntukan Akta ini hendaklah, berhubungan dengan warganegara dan pemastautin tetap Malaysia, mempunyai kuat kuasa di luar dan di dalam Malaysia, dan jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan di mana-mana tempat di luar Malaysia oleh mana-mana warganegara atau pemastautin tetap, dia boleh diperlakukan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

(2) Apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang di bawah seksyen ini yang akan menjadi galangan terhadap prosiding kemudiannya terhadap orang itu bagi kesalahan yang sama jika kesalahan itu dilakukan di Malaysia hendaklah menjadi galangan terhadap prosiding selanjutnya terhadapnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan ekstradisi orang-orang, berkenaan dengan kesalahan yang sama, di luar Malaysia.

### **Pemakaian peruntukan Akta ini bagi kesalahan ditetapkan**

**67.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu kesalahan ditetapkan tidak kira sama ada pendakwaan atau apa-apa prosiding lain berkenaan dengan kesalahan itu dimulakan atau diambil oleh seseorang pegawai Suruhanjaya, atau seseorang pegawai polis atau pegawai kastam, atau mana-mana pegawai lain yang mempunyai kuasa untuk menyiasat, mendakwa atau mengambil apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan itu.

### **Kesalahan am**

**68.** Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perintah, arahan atau notis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak sesuatu mahkamah, Pendakwa Raya, atau seseorang pegawai Suruhanjaya pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini, melakukan suatu kesalahan.

## **Penalti am**

**69.** Tiap-tiap orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan khusus boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## **Kuasa pegawai polis di bawah Akta ini**

**70.** Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan untuk mendakwa mana-mana orang berkenaannya dengan mana-mana kesalahan sedemikian, asalkan peruntukan Akta ini dipatuhi.

## **Kuasa Menteri untuk membuat perintah, peraturan dan kaedah dan meminda Jadual**

**71.** (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan sebagai badan awam.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah bagi pelaksanaan peruntukan Akta ini dengan lebih lanjut, lebih baik dan lebih mudah dan, tanpa menjejaskan keluasan peruntukan ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah—

- (a) berhubungan dengan mana-mana lembaga atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (b) bagi membuat peruntukan tentang bentuk apa-apa notis, perintah, akuan atau perkara lain di bawah Akta ini; dan
- (c) bagi mengadakan peruntukan bagi penyampaian atau penyerahan apa-apa notis, perintah, arahan, petunjuk, kehendak atau perkara lain yang dilakukan dengan sah di bawah Akta ini.

(3) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

**Kekebalan**

**72.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa jua prosiding lain boleh diambil, dibawa, dimulakan, atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa terhadap—

- (a) Kerajaan Malaysia;
- (b) mana-mana pegawai atau pekerja Kerajaan Malaysia atau Suruhanjaya;
- (c) mana-mana anggota Lembaga Penasihat atau Jawatankuasa Khas atau mana-mana jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah atau bagi maksud Akta ini; atau
- (d) mana-mana orang yang dengan sah bertindak bagi pihak Kerajaan Malaysia, Suruhanjaya, pegawai atau pekerja Kerajaan Malaysia atau Suruhanjaya,

bagi atau kerana, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan, atau yang bermaksud menurut atau melaksanakan Akta ini, atau apa-apa perintah bertulis, arahan, petunjuk, notis atau apa jua benda yang dikeluarkan di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

**BAHAGIAN IX****PEMANSUHAN DAN KECUALIAN****Pemansuhan**

**73.** Akta Pencegahan Rasuah 1997 dimansuhkan.

**Kecualian**

**74.** (1) Apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tindakan yang diambil sebelum Akta ini mula berkuat kuasa oleh seseorang pegawai Badan Pencegah Rasuah yang ditubuhkan di bawah Akta

Pencegahan Rasuah 1997 hendaklah disifatkan telah dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan oleh itu boleh diteruskan oleh pegawai itu.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 60 Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan berkuat kuasa sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, terus berkuat kuasa sepenuhnya dan boleh dibatalkan atau dipinda mengikut Akta ini.

(3) Peruntukan Akta ini yang berhubungan semata-mata dengan tatacara dan keterangan hendaklah terpakai bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang yang dimansuhkan di bawah seksyen 73 dan peruntukan itu boleh digunakan dalam apa-apa penyiasatan yang belum selesai dan dalam mana-mana prosiding mahkamah yang dimulakan sebelum atau selepas Akta ini mula berkuat kuasa berkenaan dengan kesalahan itu.

JADUAL

[Perenggan 3(a), takrif “kesalahan ditetapkan”]

Kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 161, 162, 163, 164, 165, 213, 214, 215, 384, 385, 386, 387, 388, 389, 403, 404, 405, 406, 407, 408, 409, 417, 418, 419, 420, 465, 466, 467, 468, 469, 471, 472, 473, 474, 475, 476 dan 477A Kanun Keseksaan.